MARATEN CONSTRUCTIONS SDN BHD A

lwn.

TY ASOKA SDN BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MELAKA B
ABDUL KARIM JALIL PK
[PENGGULUNGAN SYARIKAT NO: 28-NCVC-17-06-2012]
3 JULAI 2013

KONTRAK: *Tuntutan bagi wang terhutang - Baki kontrak terhutang - Permohonan petisyen atas kegagalan membayar baki kontrak terhutang - Dalihan bahawa pempetisyen telah dibayar mengikut kerja kontrak setakat mana yang diperakui - Sama ada liabiliti dan jumlah tuntutan berjaya dibuktikan - Sama ada pempetisyen mengemukakan keterangan-keterangan dokumentar untuk menyokong jumlah baki kontrak yang didakwa terhutang - Akta Syarikat 1965, s. 218* C D

PROSEDUR SIVIL: *Afidavit - Afidavit cacat - Permohonan petisyen - Kegagalan membayar baki kontrak terhutang - Afidavit menentusahkan petisyen diikrarkan pada tarikh dan waktu yang sama petisyen penggulungan syarikat dikemukakan dan difailkan di mahkamah - Sama ada afidavit diikrarkan sebelum petisyen difailkan - Sama ada suratcara-suratcara boleh difailkan tepat dan serentak pada masa yang sama - Sama ada terdapat penerangan yang dikemukakan oleh pempetisyen mengenai perkara ini - Afidavit menentusahkan petisyen tidak melampirkan petisyen yang dikatakan telah dilampirkan - Sama ada memudaratkan kes - Sama ada kecacatan boleh dibaiki - Kaedah-Kaedah (Penggulungan) Syarikat 1972, k. 26* E F

Dalam permohonan petisyen ini, pempetisyen mendakwa bahawa responden telah gagal membayar pempetisyen sejumlah RM167,394.86 ('jumlah tersebut') sebagai baki kontrak yang terhutang kepada pempetisyen bagi kerja-kerja yang telah dilaksanakan untuk satu projek perparitan. Jumlah ini dipersetujui oleh kesemua pihak melalui surat responden. Susulan itu, pempetisyen menyerahkan satu notis berkanun di bawah s. 218 Akta Syarikat 1965 ('Akta') kepada responden. Namun begitu, setelah seminggu berlalu, responden masih gagal, enggan dan/atau cuai untuk membayar jumlah tersebut. Oleh itu, pempetisyen memfailkan petisyen ini. Responden membantah permohonan pempetisyen dan mencabar, antara lain, isu liabiliti dan jumlah tuntutan serta membangkitkan isu teknikal berkaitan kecacatan G H I

petisyen dan afidavit menentusahkan petisyen. Menurut responden, pempetisyen telah dibayar dengan jumlah RM299,781.69 mengikut kerja kontrak setakat mana yang diperakui responden. Namun begitu, pempetisyen enggan dan/atau cuai untuk menjalankan kerja kontrak tersebut mengikut arahan dan jadual yang ditetapkan oleh responden. Akibatnya, responden terpaksa membaiki kecacatan kerja kontrak pempetisyen. Sejumlah besar tolakan RM79,116.25 atas pembekalan disediakan oleh responden untuk pempetisyen dalam kerja kontrak tersebut. Responden menghujahkan lagi bahawa pempetisyen enggan, gagal dan/atau cuai untuk mengemukakan invois dan penyata akaun yang lengkap untuk tuntutannya selaras dengan kerja kontraknya.

Diputuskan (menolak petisyen dengan kos):

(1) Adalah undang-undang mantap bahawa kegagalan membuat penentusahan akan menyebabkan permohonan ditolak. Dalam kes ini, banyak perkara yang kelihatan tidak terjawab. Petisyen penggulungan syarikat bertarikh 14 Jun 2012 telah dikemukakan dan difailkan di mahkamah pada 14 Jun 2012 pada 2.19 petang manakala afidavit menentusahkan petisyen diikrarkan pada tarikh dan waktu yang sama. Afidavit tersebut diikrarkan sebelum petisyen difailkan kerana tidak mungkin ia dilakukan selepas pengemukaan petisyen memandangkan kedua-dua suratcara tersebut difailkan tepat dan serentak pada masa yang sama. Tiada apa-apa penerangan yang telah dikemukakan oleh pempetisyen mengenai perkara ini. (perenggan 13 & 14)

(2) Afidavit menentusahkan petisyen tidak melampirkan petisyen yang dikatakan telah dilampirkan dalam 'eks. A'. Ini akan memudaratkan lagi kes pempetisyen dan jelas melanggar kehendak k. 26 Kaedah-Kaedah (Penggulungan) Syarikat 1972 ('KKPS'). Lampiran eks. A ini juga tidak dilampirkan dalam kertas kausa yang diserahkan kepada pihak-pihak berkenaan sepeti yang dilampirkan dalam afidavit penyampaian yang difailkan. Tiada pembetulan oleh pempetisyen, menjadikan petisyen ini tidak sah. Kecacatan ini tidak boleh dibaiki di bawah k. 194 KKPS memandangkan terdapat ketidakadilan ketara yang diakibatkan oleh kecacatan tersebut. (perenggan 14)

(3) Memandangkan pertikaian melibatkan tuntutan dalam kontrak pembinaan, pempetisyen seharusnya mengemukakan keterangan yang lengkap dan teratur bagi membuktikan dengan jelas liabiliti dan jumlah yang dikatakan terhutang. Apa yang dikemukakan

oleh pempetisyen sekadar surat-surat dan invois tertentu sahaja. Apa yang perlu dibayar kepada pempetisyen mestilah sesuatu kerja yang telah diperakui oleh responden. Ini amat munasabah dalam kontrak sebegini dan dapat menjelaskan mengapa kadar bayaran yang dikatakan telah dipersetujui oleh responden amat kecil peratusannya jika dibandingkan dengan tanggungan yang dikatakan. (perenggan 16)

(4) Penghujahan bahawa isu berkenaan kedudukan keberhutangan dan taraf pempetisyen sebagai pemiutang telah berjaya dibangkitkan. Terdapat isu yang harus dibicarakan dan tindakan yang wajar seharusnya diambil di tindakan lain untuk mendebatkan isu liabiliti dan jumlah ini. Oleh itu, responden telah berjaya mematahkan andaian di bawah s. 218(1)(e) dibaca bersama-sama dengan s. 218(2) Akta Syarikat 1965. (perenggan 16)

Kes-kes yang dirujuk:

Chai Cheon Kam v. Hua Joo Development Co Sdn Bhd [1989] 1 LNS 27 HC ***(dirujuk)***

Chong Chee Yan v. Golden Dragon Garden Sdn Bhd [1999] 3 CLJ 151 HC ***(dirujuk)***

Ng Ah Kway v. Tai Kit Enterprise Sdn Bhd [1984] 1 LNS 164 HC ***(dirujuk)***

Paramount Link Sdn Bhd lwn. Rossington Consolidated Sdn Bhd [2013] 3 CLJ 457 HC ***(dirujuk)***

Re Nima Travel Sdn Bhd; Sun Soon Heng Coach Works Sdn Bhd v. Nima Travel Sdn Bhd [1984] 1 LNS 162 HC ***(diikuti)***

The People's Insurance Company (M) Sdn Bhd v. Juru Urusetia Sdn Bhd [1997] 3 CLJ Supp 388 HC ***(dibezakan)***

YPJE Consultancy Service Sdn Bhd v. Heller Factoring (M) Sdn Bhd (Formerly Known As Matang Factoring Sdn Bhd) [1996] 3 CLJ 51 CA ***(dibezakan)***

Perundangan yang dirujuk:

Companies Act 1965, ss. 217(1)(b), 218(1)(e), (2)
Companies (Winding-Up) Rules 1972, rr. 26, 194
Rules of Court 2012, O. 14
Rules of the High Court 1980, O. 18 r. 19

Bagi pihak pempetisyen - Zaidah Ibrahimi Husaimi; T/n Ho & Co
Bagi pihak responden - Teoh Kim Hong; T/n KH Teoh & Assocs

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Abdul Karim Jalil PK:

[1] Maraten Constructions Sdn Bhd (pempetisyen) mengemukakan petisyen ini (kandungan 1) di mahkamah pada 14 Jun 2012 di bawah s. 218(1)(e) Akta Syarikat 1965 untuk menggulungkan syarikat TY Asoka Sdn Bhd (responden). Pada 18 Januari 2013 saya telah menolak petisyen ini dengan kos terhadap pempetisyen dan kini pempetisyen merayu ke Mahkamah Rayuan terhadap keputusan itu.

[2] Pempetisyen mendakwa bahawa responden telah gagal membayar kepada pempetisyen sejumlah RM167,394.86 (jumlah tersebut) sebagai baki kontrak yang terhutang kepada pempetisyen bagi kerja-kerja yang telah dilaksanakan dalam projek yang dikenali sebagai "Cadangan Jalan dan Parit Bagi Pembangunan Rumah Berkembar Di Atas PT 8142, Taman Tasik Utama Air Keroh, Daerah Melaka Tengah, Melaka". Jumlah tersebut dikatakan telah dipersetujui oleh kesemua pihak melalui surat responden bertarikh 11 September 2009 dan butirannya adalah seperti yang berikut:

Butir-butir	Jumlah (RM)
Baki Terhutang	186,392.74
Tolak bayaran	
EON Cek No. 000089	3,997.85
PBB Cek No. 103711	15,000.00
	167,394.89

[3] Susulan daripada itu, pada 24 April 2012 pempetisyen telah menyerahkan satu notis berkanun bertarikh 24 April 2012 yang dikeluarkan di bawah s. 218 Akta Syarikat 1965 kepada responden secara serahan ke diri di alamat berdaftar responden iaitu No. 64, Jalan TKL 6, Taman Kota Laksamana, Seksyen 1, 75200 Melaka. Responden dikatakan telah gagal, enggan, dan/atau abai untuk membayar jumlah tersebut dan/atau memberi jaminan atau memberikan persetujuan terhadap hutang tersebut sehingga dengan munasabahnya memuaskan hati pempetisyen walaupun tempoh

selama tiga minggu telah berlalu selepas notis tersebut diserahkan. Atas landasan itu dan berdasarkan peruntukan s. 217(1)(b) dan s. 218(1)(e) Akta Syarikat 1965, pempetisyen telah memfailkan petisyen ini pada 14 Jun 2012.

[4] Harus dicatatkan di sini bahawa pempetisyen telah memfailkan afidavit menentusahkan petisyen oleh Chong Kuan Heng, seorang pengarah pempetisyen (affidavit verifying petition) pada 14 Jun 2012.

[5] Pada 16 Ogos 2012 responden melalui pengarahnya, Lai Teck Yoong, telah memfailkan afidavit bantahan yang diangkat sumpah pada 14 Ogos 2012 (kandungan 10), mencabar antara lain bukan sahaja atas isu liabiliti dan jumlah tuntutan malahan membangkitkan juga isu teknikal berkaitan dengan kecacatan petisyen dan affidavit menentusahkan petisyen. Dalam afidavit ini, dinyatakan bahawa pempetisyen ialah sub-kontraktor utama bagi Kerja Projek "Cadangan Jalan dan Parit Bagi Pembangunan Rumah Berkembar Di Atas PT 8142, Taman Tasik Utama Air Keroh, Daerah Melaka Tengah, Melaka". Projek ini dimiliki oleh Metacorp Properties Sdn Bhd (pemilik) melalui MTD Construction Sdn Bhd.

[6] Selanjutnya, di perenggan (6)(b) *et seq* responden mengatakan:

> (b) Kerja Kontrak ("Kerja Kontrak tersebut") untuk "Cadangan Jalan dan Parit Bagi Pembangunan Rumah Berkembar Di Atas PT 8142, Taman Tasik Utama Air Keroh, Daerah Melaka Tengah, Melaka" untuk Projek tersebut telah diberikan kepada Pempetisyen dengan bayaran disetujui hanya dibuat apabila Kerja Projek dikatakan telah disiapkan oleh Pempetisyen itu dan hendaklah diperakui terdahulu oleh Responden, serta hanya apabila Responden menerima bayaran dari Pemilik tersebut atas setakat bahagian Kerja Kontrak tersebut jika telah diperakui siap sedemikian.
>
> (c) Responden telah membayar jumlah besar RM299,781.69 mengikut Kerja Kontrak tersebut setakat mana yang diperakui oleh Responden.
>
> (d) Akan tetapi Pempetisyen telah enggan, gagal, dan/atau cuai untuk menjalankan Kerja Kontrak tersebut mengikut arahan dan jadual yang ditetapkan oleh Responden.
>
> (d) (sic) Responden terpaksa membaiki kecacatan Kerja Kontrak yang dibiarkan oleh Pempetisyen.

(e) Sejumlah besar tolakan RM79,116.25 atas pembekalan disediakan oleh Responden untuk Pempetisyen dalam Kerja Kontrak tersebut.

(f) Sehingga hari ini Pempetisyen enggan, gagal dan/atau cuai untuk memberikan kepada Responden invoice dan penyata akaun yang lengkap untuk tuntutannya selaras dengan kerja kontraknya.

(g) Oleh yang demikian, tuntutan Pempetisyen telah sekian lama dipertikaikan oleh Responden.

[7] Responden juga menafikan dan mempertikaikan surat serta voucher dalam eks. "B" dalam petisyen (eks. CKH-1 dan eks. CKH-2, afidavit tambahan pempetisyen melalui Chong Kuan Heng, kandungan 14 dan 11) dan menyatakan bahawa persetujuan pembayaran yang dikatakan mengikut kadar 2.14% dan kadar-kadar yang lain merupakan sesuatu yang luar biasa dan telah juga menafikan tandatangan surat itu sebagai tandatangannya. Kedudukan hal perkara ini diperjelaskan oleh responden melalui afidavit jawapan Lai Teck Yoong (kandungan 15).

[8] Pempetisyen dalam afidavit jawapannya, kandungan 11 dan 14, menyatakan bahawa dalihan responden merupakan satu penafian kosong semata-mata. Penegasan ini dikatakan telah ditunjukkan daripada fakta berikut: responden telah gagal mematuhi kehendak notis berkanun di bawah s. 218 Akta Syarikat 1965 dalam masa 21 hari dan ini menyebabkan responden tidak berupaya membayar hutangnya; responden tidak pernah membuat aduan dan dengan itu perenggan 6(d), (d)(sic) dan (e) merupakan sesuatu yang difikir terkemudian; eks. CKH-1 dan CKH-2 jelas menunjukkan pengakuan hutang oleh responden; dan, isu-isu lain pula bukan merupakan isu yang relevan dalam tindakan ini.

[9] Semua pihak telah mengemukakan penghujahan bertulis berserta dengan nas autoriti untuk menyokong saranan-saranan yang dibangkitkan. Intipati penghujahan peguam pempetisyen seperti terkandung dalam kandungan 17 dan 21 ialah semua isu yang ditimbulkan oleh responden tidak mempunyai apa-apa merit untuk dipertimbangkan – (hujahan bertulis dirujuk). Manakala peguam responden di samping isu lain telah memberi fokus kepada dua isu utama iaitu: afidavit menentusahkan petisyen adalah cacat dan ini membuatkan petisyen tidak teratur dan tidak sah; dan,

tanggungan dan jumlah tuntutan sudah sekian lama dicabar secara substantif dan *bona fide* – (hujahan bertulis peguam responden di kandungan 19 dirujuk).

[10] Setelah menghalusi penghujahan peguam responden mengenai isu kecacatan afidavit menentusahkan petisyen (kandungan 2), saya dapati isu yang dibangkitkan itu amat bermerit. Kaedah 26, Kaedah-kaedah (Penggulungan) Syarikat 1972 (Kaedah Penggulungan 1972) memperuntukkan:

> 26. Verification of petition
>
> Every petition for the winding-up of a company by the Court **shall be verified** by an affidavit referring thereto. The affidavit in Form 7 shall be made by the petitioner or by one of the petitioners, if more than one, or, in case the petition is presented by a corporation, by some director, secretary or other principal officer thereof, and **shall be sworn after** and **filed within four days after the petition is presented**, and the affidavit shall be *prima facie* evidence of the statements in the petition. (penekanan ditambah)

Peruntukan k. 26 ini sudah berada dalam perundangan berkenaan dengan penggulungan syarikat sejak tahun 1972 lagi dan tidak pernah dipinda. Dengan penggunaan perkataan penegasan iaitu "mesti" atau "shall" jelas menunjukkan niat perundangan berkenaan dengan kemestiannya. Daripada kes-kes yang telah diputuskan telah diperkatakan bahawa kegagalan mematuhi kehendak peruntukan ini boleh menyebabkan petisyen yang difailkan tidak sah dan akan menyebabkan prosiding penggulungan ditolak. Dalam kes *YPJE Consultancy Service Sdn Bhd v. Heller Factoring (M) Sdn Bhd (Formerly Known As Matang Factoring Sdn Bhd)* [1996] 3 CLJ 51 (Mahkamah Rayuan), afidavit menentusahkan petisyen dan petisyen mempunyai tarikh yang sama iaitu 10 Julai 1995 tetapi memandangkan afidavit menentusahkan petisyen difailkan pada 11 Julai 1995, dan dengan ketiadaan keterangan bahawa afidavit tersebut telah diikrarkan sebelum pengemukaan petisyen, mahkamah telah memutuskan bahawa tiada kecacatan telah ditimbulkan. YA Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim HMR (ketika itu) dalam menyentuh isu ini telah mengatakan:

> Proceeding on to the second issue which was raised by the learned counsel for the appellant ie, pertaining to the verifying affidavit and petition respectively containing the same date. The

> Bundle of Authorities of the appellant discloses the r. 26 of the Companies (Winding-up) Rules and the cases of *Chin Yoon Timber Co v. Overseas Lumber Bhd*, (1978) 2 MLJ 173) and the case of *Sobri bin Arshad v. Associated Tractors Sdn Bhd* (1991) 1 CLJ 798). What is clear from these authorities is that the affidavit must be made in some cause or matter which is actually pending in the Court. Consequently, the affidavit which was sworn before the presentation of the petition would cause the petition to be void. In both the cases referred to by the learned Counsel for the appellant the affidavits were sworn before the petitions were presented. In the appeal before us both the affidavits and the petitions contained the date of 10 July 1995. The learned Trial Judge in his judgment stated that the affidavit referred to the petition which was attached thereto. The affidavit in this appeal itself stated that the petition was attached to the affidavit. Because of this the learned Trial Judge said that the affidavit must have been after the petition was presented. The learned Trial Judge also said that because the affidavit that verifies the petition had been filed on 11 July 1995, the learned Judge was therefore of the opinion that r. 26 had not been infringed. With respect I agree with the learned trial Judge on this matter. Furthermore, there is no evidence to show that the affidavit had been sworn before the petition was presented. On the basis of this rationale I am of the view that the authorities cited by the learned Counsel for the appellant are not applicable to the factual situation in this appeal.

[11] Keputusan ini telah dipertimbangkan dalam kes *The People's Insurance Company (M) Sdn Bhd v. Juru Urusetia Sdn Bhd* [1997] 3 CLJ Supp 388 (MT). Dalam kes ini petisyen telah dikemukakan di mahkamah pada 22 Oktober 1996 tetapi afidavit menentusahkan petisyen diikrarkan pada 18 Oktober 1996. Menyedari hal ini, iaitu setelah dimaklumkan, peguam pempetisyen telah mengemukakan permohonan untuk lanjutan masa untuk memfailkan afidavit tersebut di luar masa. Peguam responden di situ dengan berlandaskan kepada keputusan *YPJE Consultancy Service Sdn Bhd* di atas menghujahkan bahawa petisyen berkenaan adalah tidak sah kerana tidak mematuhi k. 26 Kaedah Penggulungan 1972 dan tidak boleh dihidupkan dengan kebenaran untuk berbuat sedemikian di luar masa. Permohonan lanjutan masa tersebut walau bagaimanapun telah dibenarkan. Namun Abdul Aziz H (ketika itu) dalam memutuskan sedemikian menyatakan:

> A verifying affidavit that does not comply with r. 26 is, at worst, a nullity. The effect is that there is no affidavit verifying the petition. But the petition itself, merely because there is no affidavit verifying it, is not void. That is borne out by r. 26 itself. One

> can present a petition without a verifying affidavit and it can remain without a verifying affidavit for four days. It is not void or defective. **It becomes defective only if the verifying affidavit is not filed in time**. But when it comes to the question of doing something in time, there is always the question of extending the time within which to do it. If there is power with the Court to extend time, the question is whether in the circumstances of the case time ought to be extended. (penekanan ditambah)

[12] Bagaimanapun dalam kes *Paramount Link Sdn Bhd lwn. Rossington Consolidated Sdn Bhd* [2013] 3 CLJ 457, satu kes yang melibatkan permohonan untuk membatalkan petisyen di bawah A. 18 k. 19, Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, afidavit menentusahkan petisyen yang dikatakan mengesahkan satu petisyen, yang dilampirkan sebagai eks. 'A', yang tidak bertarikh diputuskan sebagai cacat dan tidak sah. Dalam memutuskan sedemikian Yaacob Md Sam H menyatakan:

> (13) Menerima pakai prinsip yang diputuskan dalam kes *Ooi Chew Seng v. Ultratech Sdn Bhd & Ors* (1997) 5 CLJ 421, Mahkamah ini berpendapat ketiadaan tarikh pada petisyen penggulungan telah menjadikan petisyen tersebut defektif. Kecacatan ke atas petisyen tersebut menjadi lebih memudaratkan apabila affidavit verifying petition yang difailkan bagi mengesahkan petisyen juga merujuk dan mengeksibitkan petisyen yang tidak mempunyai tarikh (undated). Maka yang demikian mahkamah ini berpendapat tidak terdapat afidavit yang sah bagi mengesahkan petisyen yang difailkan itu. Kaedah 26 Kaedah-Kaedah Penggulungan Syarikat 1972 (Companies (Winding-up) Rules 1972) menghendaki setiap petisyen penggulungan syarikat hendak disahkan oleh afidavit yang akan menjadi keterangan *prima facie* ke atas pernyataan yang terdapat di dalam petisyen. Afidavit tersebut perlu difailkan di mahkamah dalam masa empat hari selepas petisyen dikemukakan. Mahkamah ini berpendapat dengan kecacatan yang terjadi ke atas petisyen penggulungan yang tidak bertarikh (undated) dan kecacatan yang berlaku ke atas affidavit verifying petition yang merujuk kepada petisyen yang tidak bertarikh tersebut (undated), maka satu keterangan *prima facie* tidak boleh terbentuk (*prima facie* evidence is not established).

YA Hakim yang bijaksana itu telah juga memperjelaskan dasar kepada pendekatan ini diambil, yang saya bersetuju dan ikuti:

> Bagaimanapun peruntukan kaedah-kaedah (rules) di Companies (Winding-Up) Rules 1972 adalah memerlukan pematuhan yang ketat. Sebarang ketidakpatuhan ke atas kaedah yang mandatori

akan menyebabkan petisyen tersebut menjadi cacat dan boleh diketepikan tanpa perlu merit petisyen dibicarakan. Pematuhan tersebut adalah penting untuk diikuti disebabkan sifat (nature) dan implikasi petisyen penggulungan yang dikemukakan di bawah s. 218 adalah bagi menggulungkan sesuatu syarikat. Mahkamah ini berpendapat kecacatan yang berlaku ke atas petisyen di sini dan juga ke atas affidavit verifying petition yang difailkan di sini tidak boleh dipulihkan disebabkan ianya adalah merupakan asas (foundation) kepada tindakan pempetisyen. Adalah sesuatu yang tidak boleh diterima apabila affidavit verifying petition yang sepatutnya bertujuan bagi mengesahkan petition telah merujuk dan mengesahkan petition yang tidak bertarikh. Pemfailan affidavit verifying petition tidak boleh dianggap sebagai cuma bersifat mekanikal. Di atas huraian dan alasan-alasan di atas, mahkamah ini berpendapat ini adalah satu kes di mana petisyen yang terdapat ini "obviously unsustainable" untuk ianya dibatalkan di bawah A. 18 k. 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

[13] Saya juga bersetuju dengan penghujahan peguam responden berkenaan dengan analogi yang dibuat dengan keperluan mandatori bagi fakta dalam permohonan penghakiman terus di bawah A. 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ditentusahkan dalam afidavit yang menyokong permohonan berkenaan. Kini, telah menjadi undang-undang yang mantap bahawa kegagalan membuat penentusahan itu akan menyebabkan permohonan tersebut ditolak – (kes *Chai Cheon Kam v. Hua Joo Development Co Sdn Bhd* [1989] 1 LNS 27; [1989] 2 MLJ 422 dirujuk). Begitu juga dalam kes ini, dihujahkan bahawa kegagalan membuat penentusahan itu akan menyebabkan petisyen di sini cacat dan tidak sah.

[14] Dalam kes sekarang ini banyak perkara yang kelihatan tidak terjawab. Diperhatikan petisyen penggulungan syarikat yang bertarikh 14 Jun 2012 telah dikemukakan dan difailkan di mahkamah ini pada 14 Jun 2012 pada jam 14:19:40 ie, pukul 2:19:40 petang (kandungan 1). Manakala afidavit menentusahkan petisyen diikrarkan pada 14 Jun 2012 oleh Chong Kuan Heng, pengarah pempetisyen (kandungan 2). Diperhatikan afidavit menentusahkan petisyen ini juga difailkan pada 14 Jun 2012 pada jam 14:19:40 ie, pukul 2:19:40 petang juga. Secara kasarnya kedua-dua surat cara ini telah dikemukakan dan difailkan pada masa yang sama. Bagaimanapun persoalannya ialah bilakah afidavit itu diikrarkan? Sudah semestinya sebelum petisyen difailkan kerana tidak mungkin ia dilakukan selepas pengemukaan petisyen

memandangkan kedua-dua surat cara itu difailkan tepat dan serentak pada masa yang sama. Pada pandangan saya perkara ini dilakukan secara mekanikal sepertimana ditegur dalam kes *Paramount Link Sdn Bhd* di atas. Tiada apa-apa penerangan telah dikemukakan oleh pempetisyen mengenai perkara ini. Kedudukan ini berbeza dengan fakta kes *YPJE Consultancy Service Sdn Bhd*, *supra* kerana walaupun kedua-dua surat cara bertarikh sama namun afidavit menentusahkan petisyen di situ telah difailkan sehari selepas pengemukaan petisyen. Keadaan di sini juga berbeza dengan kes *The People's Insurance Company (M) Sdn Bhd*, *supra* kerana dalam kes itu terdapatnya permohonan untuk lanjutan masa yang tidak dilakukan dalam kes ini. Saya juga berpendapat selain dilakukan secara mekanikal, segala tindakan di sini kelihatan dibuat secara tergesa-gesa. Saya dapati afidavit menentusahkan petisyen ini juga tidak melampirkan petisyen yang dikatakan telah dilampirkan dalam eks. "A". Lampiran eks. "A" ini tidak kelihatan di mana-mana dan ini amat menghairankan. Adakah kemungkinan ia difailkan bersekali dengan petisyen asal dan petisyen asal itu dianggap sebagai lampiran eks. "A" itu? Ini akan memudaratkan lagi kes pempetisyen dan jelas melanggar kehendak k. 26 Kaedah Penggulungan 1972 berkenaan sepertimana diperjelaskan dalam kes-kes yang dirujuk di atas. Saya juga perhatikan lampiran eks. A yang dimaksudkan itu tidak juga dilampirkan dalam kertas kausa yang diserahkan kepada pihak-pihak berkenaan sepertimana dilampirkan dalam afidavit penyampaian yang difailkan. Tiada apa-apa penjelasan daripada pempetisyen berkenaan dengan isu ini juga. Dalam keadaan kes ini yang amat tidak memuaskan saya dapati afidavit menentusahkan petisyen telah tidak mematuhi kehendak k. 26 Kaedah Penggulungan 1972. Dengan ketiadaan apa-apa tindakan pembetulan dilakukan oleh pempetisyen petisyen yang difailkan itu menjadi tidak sah. Saya juga berpendapat kecacatan ini tidak boleh dibaiki di bawah k. 194 Kaedah Penggulungan 1972 memandangkan terdapat ketidakadilan yang ketara telah diakibatkan daripada kecacatan itu. Oleh kerana tindakan penggulungan syarikat merupakan sesuatu yang serius, ketidakadilan tersebut tidak dapat diberi remedi lain oleh mahkamah. Pada saya remedi yang paling sesuai di sini adalah untuk membatal dan menolak petisyen ini.

[15] Selain daripada isu di atas, saya juga mendapati adanya pertikaian serius yang *bona fide* ke atas liabiliti dan tuntutan di sini. Kini telah menjadi undang-undang yang mantap bahawa persoalan

sama ada ada atau tidaknya pertikaian yang *bona fide* merupakan isu fakta yang harus diputuskan oleh mahkamah berdasarkan keterangan yang dibentangkan. Kes-kes *Ng Ah Kway v. Tai Kit Enterprise Sdn Bhd* [1984] 1 LNS 164; [1986] 1 MLJ 58; *Re Nima Travel Sdn Bhd; Sun Soon Heng Coach Works Sdn Bhd v. Nima Travel Sdn Bhd* [1984] 1 LNS 162; [1986] 2 MLJ 374; dan *Chong Chee Yan v. Golden Dragon Garden Sdn Bhd* [1999] 3 CLJ 151; [1999] 1 MLJ 573 menyokong saranan ini.

[16] Dalam isu ini saya bersetuju sepenuhnya dengan penghujahan peguam responden yang bijaksana. Memandangkan pertikaian di sini melibatkan tuntutan dalam kontrak pembinaan, pihak pempetisyen seharusnya mengemukakan keterangan yang lengkap dan teratur bagi membuktikan dengan jelas liabiliti dan jumlah yang dikatakan terhutang. Malangnya apa yang dikemukakan di sini sekadar surat-surat dan invois tertentu sepertimana dilampirkan dalam CKH-1 dan CKH-2. Daripada sudut ini dapat difahami mengapa responden menyentuh tentang ketiadaan rekod dan akaun yang lengkap untuk menunjukkan liabiliti mereka. Dalam keadaan kes ini saya bersetuju dengan penegasan responden bahawa apa yang perlu dibayar kepada pempetisyen mestilah sesuatu kerja yang telah diperakukan oleh responden. Ini amat munasabah dalam kontrak sebegini. Ini dapat menjelaskan mengapa kadar bayaran yang dikatakan telah dipersetujui oleh responden amat kecil peratusannya jika dibandingkan dengan tanggungan yang dikatakan. Sebagai contoh 2.14% daripada jumlah RM186,392.74; dan, 2.09% daripada jumlah RM190,399.39. Perkiraan begini amat luar biasa sepertimana diperkatakan oleh responden. Jika ada pun pembayaran sedemikian sudah semestinya perkiraan itu telah didasarkan kepada pelaksanaan kerja-kerja yang telah diperakukan oleh responden. Pempetisyen telah gagal menyangkal kenyataan ini dengan keterangan yang boleh memperjelaskan kedudukan itu. Dalam keadaan begini penghujahan bahawa isu berkenaan dengan kedudukan keberhutangan dan taraf pempetisyen sebagai pemiutang telah berjaya dibangkitkan. Saya berpendapat, terdapatnya isu yang harus dibicarakan dan tindakan yang wajar seharusnya diambil di tindakan lain untuk mendebatkan isu liabiliti dan jumlah ini. Seperti diputuskan dalam kes *Re Nima Travel Sdn Bhd; Sun Soon Heng Coach Works Sdn Bhd*, *supra*: "There is a plethora of authorities to the effect that a winding-up petition is

not a legitimate means of seeking to enforce payment of debt which is *bona fide* disputed by the company". Saya dapati tindakan pempetisyen di sini terjumlah kepada jenis tindakan yang dinyatakan di atas. Dengan penemuan di atas, saya berpendapat responden telah berjaya mematahkan andaian di bawah s. 218(1)(e) dibaca dengan s. 218(2) Akta Syarikat 1965.

[17] Dalam premis di atas, memadai bagi saya memutuskan tindakan ini berdasarkan isu-isu yang dihuraikan. Dengan itu, saya menolak petisyen pempetisyen dengan kos sebanyak RM2,000 untuk dibayar kepada responden.